

**PERKAITAN DI ANTARA KESULITAN EKONOMI,
KUALITI PERKAHWINAN, TINGKAH LAKU
KEIBUBAPAAN IBU DENGAN
STRES REMAJA**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

FERLIS BIN BULLARE @ BAHARI

**SEKOLAH PSIKOLOGI DAN KERJA SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2003**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

HUBUNGAN DI ANTARA KESULITAN EKONOMI, KUALITI PERKAHWINAN, TINGKAH LAKU KEIBUBAPAAN IBU DENGAN STRES REMAJA

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan di antara kesulitan ekonomi, kualiti perkahwinan dan tingkah laku keibubapaan ibu dengan stres remaja etnik Iranun di daerah Kota Belud dan Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah. Seramai 129 responden ibu (57 bandar dan 72 luar bandar) dan 129 responden remaja (55 lelaki dan 74 perempuan) berumur antara 13 hingga 17 tahun dijadikan subjek kajian. Kaedah tinjauan bersifat korelasi menggunakan instrumen *Economic Strain Questionnaire* (ESQ) bagi mengukur kesulitan ekonomi, *Kansas Marital Satisfaction Scale* (KMS) dan *Dyadic Adjustment Scale* (DAS) mengukur kualiti perkahwinan, *Parent's Report* (PR) mengukur tingkah laku keibubapaan ibu dan *Clinical Anxiety Scale* (CAS) dan *Beck Depression Inventory-II* (BDI-II) mengukur stres remaja digunakan. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kesulitan ekonomi, kualiti perkahwinan dan tingkah laku keibubapaan ibu dengan stres remaja. Keputusan juga menunjukkan kualiti perkahwinan dan tingkah laku keibubapaan ibu tidak dapat berperanan sebagai perantara ke atas hubungan di antara kesulitan ekonomi dengan stres remaja.

